

MAKLUMAN : PENYELARASAN PENGGUNAAN SISTEM eTANAH PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PPTGWPPj)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

YBhg Datuk/ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas

2. Adalah dimaklumkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPTGWPPj) telah melancarkan sistem eTanah pada 29 Oktober 2021. Ini membolehkan semua perkhidmatan dan urusan bayaran kepada Pejabat ini diakses dan dilaksanakan secara atas talian bermula tahun 2022.

3. Dengan penggunaan sistem ini, beberapa perubahan telah dilaksanakan bagi menyesuaikan urusan bersistem atas talian sistem tersebut seperti **Mod Terimaan Bayaran Permohonan/ Perserahan/ Cukai Tanah** dan **Kaedah Bayaran Urusan Berangkai**. Sehubungan itu dipanjangkan perincian berkaitan seperti di **Lampiran 1** untuk makluman dan tindakan pihak-pihak berkaitan semasa berurusan dengan PPTGWPPj.

4. Sehubungan itu, dimohon pihak YBhg Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk berkongsi, mengedar dan memaklum perkara tersebut kepada pihak-pihak berkaitan bagi memudahkan urusan merancang dan menyelaras proses kerja serta urusan dengan PPTGWPPj mengikut ketetapan yang disediakan. Ini bagi mengelakkan urusan niaga dan bukan urusan niaga tidak dapat dilaksanakan seterusnya menyebabkan kelewatan dan denda kepada transaksi berkaitan.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg Datuk/ Tuan/ Puan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(FARHAN BIN HASSAN)

Penolong Pengarah

Bahagian Pendaftaran, Hakmilik dan Hasil

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya

Aras G, Blok 2

Menara Seri Wilayah, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-8889 7778 | Fax: 03-8881 1804

✉: farhan@ptqwp.gov.my | www.ptqwp.gov.my

**MOD TERIMAAN BAYARAN PERMOHONAN/ PERSERAHAN/ CUKAI TANAH
PPTGWPPJ MELALUI SISTEM ETANAH**

BIL	JENIS TERIMAAN	KAEDAH TERIMAAN	
		FIZIKAL	E-BAYARAN
i.	Cukai Tanah dan Denda	Tunai, bank draf, kiriman wang, wang pos, kad debit, kad kredit, Cek kerajaan/ tempatan/ luar	EFT, kad debit, kad kredit
BIL	JENIS TERIMAAN	KAEDAH TERIMAAN	
		FIZIKAL	E-BAYARAN
ii.	Peserahan dan permohonan suratcara	Tunai, bank draf, kiriman wang, wang pos, kad debit, kad kredit	EFT, kad debit, kad kredit
iii.	Pelbagai	Tunai, bank draf, kiriman wang, wang pos, kad debit, kad kredit, Cek kerajaan	EFT, kad debit, kad kredit

KAEDAH BAYARAN URUSAN BERANGKAI
PPTGWPPJ MELALUI SISTEM ETANAH

BIL	CONTOH PERMOHONAN	CATATAN
i.	Deposit dan Permit Batuan	<ul style="list-style-type: none">• Urusan bayaran deposit adalah ketetapan wajib untuk permohonan Permit Batuan.• Urusan terimaan deposit perlu diselesaikan sebelum urusan permohonan permit Batuan dimohon.• Bayaran Deposit dan Permit Batuan perlu dikemukakan secara berasingan. Dua (2) resit berasingan akan disediakan.
ii.	Carian Rasmi dan Hakmilik Hilang	<ul style="list-style-type: none">• Rujukan Carian Rasmi adalah ketetapan dokumen wajib untuk permohonan Hakmilik Hilang.• Permohonan Carian Rasmi perlu diselesaikan sebelum urusan permohonan Hakmilik Hilang dimohon.• Bayaran Carian Rasmi dan Hakmilik Hilang perlu dikemukakan secara berasingan. Dua (2) resit berasingan akan disediakan.

*Bagi urusan bayaran Cukai Tanah berganda (melibatkan lebih dari satu (1) hakmilik boleh diteruskan dalam satu transaksi/kaedah bayaran)